


KOLEKSI UCAPAN
**TUN DR MAHATHIR
MOHAMAD**

1981-2003



EKONOMI



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPERMIMPINAN
PERDANA



KOLEKSI UCAPAN
**TUN DR MAHATHIR
MOHAMAD**

1981-2003


EKONOMI



PUSTAKA PERDANA



1013866



MAHATHIR

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Roselindawati Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

EDITOR

Wan Azizah Wan Omar
Muhammad Najmi Mustapha

PENGARANG & PENYELARAS

Neily Syafiqah Mohamed Eusoff
Nor Idahyah Ismail

SUMBER FOTO

Unit Fotografi,
Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka
Jabatan Penerangan Malaysia

Unit Foto Pertubuhan Berita Nasional
(BERNAMA)

REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH:

Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd
1, 2, 4 & 6, Tingkat Kilang, Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH:



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 13, Kompleks KKMM, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8911 3440 Faks: 03-8911 4957

E-mel: webmaster@inform.gov.my Laman Sesawang: www.penerangan.gov.my

ISBN 978-983-2658-21-4



9 789832 658214 >

Imbas Kod QR
untuk Versi Digital



Cetakan Pertama 2019
ISBN 978-983-2658-21-4
Hak Cipta Terpelihara

@ Jabatan Penerangan Malaysia, 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada penerbit.

208.85




RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita, Malaysia mendokong cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



ISI KANDUNGAN

1981

1. Merasmikan Hari Peladang Kebangsaan, Tanjung Karang, Selangor, 26 September 1981 12
2. Majlis Penyampaian Duit-Duit Syiling Peringatan Rancangan Malaysia Keempat Kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, Tingkat 13, Bangunan Bank Negara Malaysia, 13 November 1981 16
3. Sempena Pembukaan Rasmi Lebuhraya Papar Ke Sindumin, Negeri Sabah, 17 November 1981 17
4. The ASEAN-US Economic Conference, The Hilton, Kuala Lumpur, 18 November 1981 19

1982

5. The 12th Meeting Of ASEAN Economic Ministers, The Hilton, Kuala Lumpur, 14 January 1982 26
6. The 5th Joint Annual Conference Of Majeca / Jameca, The Hilton, Kuala Lumpur, 08 February 1982 30
7. The Dinner In Honour Of His Excellency Mr. Li Jong Ok, Premier Of The Administrative Council Of The Democratic People, Parliament House, Kuala Lumpur, 11 February 1982 35
8. The Dinner Given In Honour Of His Excellency Mr. A.A.M. Vanagt, Prime Minister Of The Netherlands, Parliament House, Kuala Lumpur, 15 March 1982 38
9. Statement To Lead The Discussion On The Item "Regional Economic And Functional Co-Operation", Chogrm III, Suva, Fiji, 18 October 1982 40

1983

10. The Opening Of The 7th Malaysian Economic Convention, The Merlin Hotel, 18 January 1983 44
11. The Japanese Economic Organisations, Tokyo, Japan, 24 January 1983 49
12. Perasmian Kompleks Sapura Holdings, Kawasan Perdagangan Bebas, Ulu Klang, Selangor, 23 Julai 1983 54
13. The Official Opening Of The AIESEC Seminar On Malaysia Incorporated, The International House, APDC, Kuala Lumpur, 18 August 1983 59

- | | | |
|-----|--|----|
| 14. | The Opening Asian Association Of Management Conference, Rasa Sayang Hotel, Pulau Pinang, 30 October 1983 | 63 |
| 15. | The Malaysian Transnational Trading Corporation (MATTRA), The United Motor Works Auditorium, Shah Alam, Selangor, 15 November 1983 | 67 |

1984

- | | | |
|-----|--|----|
| 16. | Majlis Jamuan Makan Malam Ulang Tahun Sempena Menyambut Jubli Perak Bank Negara Malaysia, The Hilton, Kuala Lumpur, 10 Februari 1984 | 71 |
| 17. | Economic Symposium, Sponsored By The Australian Financial Review And The Nihon Keizai Shimbun, 07 May 1984 | 75 |
| 18. | The Opening Of The Seminar On Malaysian-British Invisible Trade Links Jointly Organised By Thebritish Invisible Exports Council And The Council On Malaysian Invisible Trade, The Hilton, Kuala Lumpur, 17 July 1984 | 79 |
| 19. | The Annual Dinner Of The National Chamber Of Commerce And Industry, Regent Hotel, Kuala Lumpur, 26 December 1984 | 85 |

1985

- | | | |
|-----|--|-----|
| 20. | Opening Of The Seventeenth Meeting Of The ASEAN Economic Ministers, The Hilton, Kuala Lumpur, 07 February 1985 | 89 |
| 21. | Nordic Financial Institutions, Helsinki Finland, 17 April 1985 | 93 |
| 22. | Pembukaan Rasmi Kilang Kereta Nasional Dan Pelancaran PROTON SAGA, Shah Alam, Selangor, 09 Julai 1985 | 96 |
| 23. | Majlis Perasmian Bursa Komoditi, Kompleks Dayabumi, Kuala Lumpur, 29 Oktober 1985 | 100 |

1986

- | | | |
|-----|---|-----|
| 24. | Majlis Makan Malam Tahunan Institusi-Institusi Kewangan, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 25 August 1986 | 105 |
|-----|---|-----|

1987

- | | | |
|-----|--|-----|
| 25. | Majlis Makan Malam Tahunan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM), Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 11 Mac 1987 | 111 |
| 26. | Opening Of The First ASEAN Economic Congress, The Hilton, Kuala Lumpur, 13 March 1987 | 114 |
| 27. | Perasmian Seminar Pengurusan Islam Anjuran Bersama Bank Pembangunan Islam (IDB) Dan Kementerian Pelajaran, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, Selangor, 06 April 1987 | 117 |
| 28. | Perasmian Pejabat Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Bukit Damansara Kuala Lumpur, 14 Ogos 1987 | 120 |

1988

29. Perasmian Menara Bank Pembangunan, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, 03 Ogos 1988 124

1989

30. Pelancaran Majlis Perundingan Ekonomi Negara Selepas 1990, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 19 Januari 1989 128
31. Majlis Pelancaran Projek Penggunaan Gas Semenanjung, Peringkat II, Kuantan, Pahang Darul Makmur, 30 Jun 1989 133
32. Perasmian Seminar Pelaburan Negeri Johor, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 24 Julai 1989 136
33. Upacara Pengisytiharan Skim Pelaburan Bumiputera Selepas 1990, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 11 November 1989 140

1990

34. Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-5 Pengeluaran Komersial PROTON SAGA, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, 09 Julai 1990 146
35. Majlis Perasmian Asrama Semai Bakti Kelana Jaya Dan Penyampaian Sijil Saham Koperasi Permodalan FELDA, Kelana Jaya, 13 Julai 1990 151
36. Pelancaran Kereta PROTON SAGA Megavalve, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, 12 Ogos 1990 155
37. Majlis Perasmian Hotel Equatorial Pulau Pinang Bayan Lepas, Pulau Pinang, 19 September 1990 158
38. Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-25 Penubuhan Bank Bumiputra Malaysia Bhd, Hotel Shangri-La Kuala Lumpur, 24 Oktober 1990 161
39. Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-15 Syarikat Sapura Holdings Sdn Bhd, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 30 Oktober 1990 163

1991

40. Conference On "Labuan: An International Offshore Financial Centre", The Shangri-La Hotel, 05 February 1991 167
41. Chilean Businessmen, Santiago, 21 June 1991 171
42. Argentinian Business Leaders Organised By The Foundation Of Scientific And International Studies, Buenos Aires, Argentina, 01 July 1991 175
43. Brazilian Businessmen, Sao Paulo, Brazil, 01 July 1991 180
44. Annual Dinner Of Financial Institutions, Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur, 28 August 1991 183

1992

- | | | |
|-----|---|-----|
| 45 | Perasmian Kilang Takagi (Malaysia) Sdn Bhd, Jitra, Kedah Darul Aman, 16 Januari 1992 | 190 |
| 46. | Pelancaran Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Dewan Tun Ismail, PWTC, Kuala Lumpur, 28 Julai 1992 | 193 |
| 47. | Perasmian Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua, The Hilton, Kuala Lumpur, 18 Ogos 1992 | 197 |
| 48. | Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KUB Ke-12, Dewan Muktamar, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 12 September 1992 | 201 |

1993

- | | | |
|-----|---|-----|
| 49. | Business Luncheon, Tashkent, 01 April 1993 | 206 |
| 50. | Majlis Pelancaran Model Terbaru PROTON, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, 21 Mei 1993 | 208 |
| 51. | Majlis Pelancaran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), The Hilton, Kuala Lumpur, 11 Jun 1993 | 210 |
| 52. | Launching Of The Eastern & Oriental Express, Kuala Lumpur Railway Station, 19 September 1993 | 215 |
| 53. | Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 12 November 1993 | 217 |

1994

- | | | |
|-----|---|-----|
| 54. | Majlis Pelancaran Projek Sutera Harbour Resort Sdn Bhd, Kota Kinabalu, Sabah, 23 Julai 1994 | 222 |
| 55. | Majlis Pelancaran Persatuan Agen-Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN), Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 02 Ogos 1994 | 224 |
| 56. | Majlis Pelancaran Kereta Perodua Kancil, The Hilton, Kuala Lumpur, 29 Ogos 1994 | 227 |
| 57. | Majlis Makan Malam Institusi-Institusi Kewangan, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 07 September 1994 | 229 |
| 58. | Majlis Pelancaran Rangkaian Pemasangan PROTON TIGA PINTU, Pekan, Pahang, 12 November 1994 | 235 |

1995

- | | | |
|-----|---|-----|
| 59. | Majlis Pelancaran Amanah Saham Kedah, Wisma Darul Aman, Kedah, 27 Februari 1995 | 239 |
| 60. | Business Community Meeting, Cape Town, South Africa, 24 August 1995 | 241 |

- | | | |
|-----|---|-----|
| 61. | Launching Of The 43rd Les Femmes Chefs D'Entreprises, Istana Hotel, Kuala Lumpur, 07 September 1995 | 244 |
| 62. | Majlis Pelancaran Metrovision, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 18 September 1995 | 247 |
| 63. | Majlis Pelancaran Hari Penjaja Dan Konvensyen Penjaja 1995, Hotel Dynasty, Kuala Lumpur, 01 Disember 1995 | 250 |

1996

- | | | |
|-----|--|-----|
| 64. | Konvensyen CUEPACS Yang Ke-20, Di Dewan Lee San Choon Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, 09 Januari 1996 | 255 |
| 65. | The 1996 National Economic Forum, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 11 January 1996 | 260 |
| 66. | Majlis Pelancaran Skim Amanah Saham Wawasan 2020, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1996 | 265 |
| 67. | Majlis Pelancaran Pelan Induk Perindustrian Kedua, Dewan Tun Ismail, PWTC, Kuala Lumpur, 28 November 1996 | 270 |
| 68. | Majlis Pelancaran Kempen Galakan Tabungan Peringkat Nasional Dewan Tun Hussein Onn, PWTC, Kuala Lumpur, 16 Disember 1996 | 274 |

1997

- | | | |
|-----|--|-----|
| 69. | Majlis Perasmian Kilang-Kilang Samsung Electronics, Seremban, Negeri Sembilan, 24 Februari 1997 | 280 |
| 70. | Pembukaan W.R. Grace Packaging (Malaysia) Sdn Bhd, Kuantan, Pahang, 17 Mac 1997 | 283 |
| 71. | Majlis Pelancaran MEC Dan MEC City, Gambang, Kuantan, Pahang, 17 Mac 1997 | 285 |
| 72. | Sempena Upacara Perasmian Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia, RRIM Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan, 28 April 1997 | 287 |
| 73. | Majlis Perasmian Bangunan Bursa Saham Kuala Lumpur, Bukit Kewangan, Kuala Lumpur, 15 August 1997 | 291 |

1998

- | | | |
|-----|---|-----|
| 74. | The 4th Pacific Dialogue The Palace Of The Golden Horses Hotel, Kuala Lumpur, 12 January 1998 | 296 |
| 75. | Sempena Pelancaran Sambutan 100 Tahun ROC, Hotel Hilton, Kuala Lumpur, 07 Julai 1998 | 299 |

- | | | |
|-----|---|-----|
| 76. | The 6th Prime Ministerial Lecture Of The Harvard Club, The Palace Of The Golden Horses, Kuala Lumpur, 05 October 1998 | 303 |
| 77 | Majlis Makan Malam Ke-19 Persatuan Bank-Bank Saudagar Di Malaysia, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 07 November 1998 | 307 |
| 78. | The APEC Business Summit 1998, PWTC, Kuala Lumpur, 15 November 1998 | 313 |

1999

- | | | |
|-----|--|-----|
| 79. | Majlis Pelancaran Minggu Pelaburan Bersama PNB, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, 09 Jun 1999 | 321 |
| 80. | The Breakfast Dialogue With Prof. Paul Krugman, The Palace Of The Golden Horses Hotel Kuala Lumpur, 27 August 1999 | 326 |

2000

- | | | |
|-----|--|-----|
| 81. | Majlis Forum Perdagangan Malaysia-Indonesia, Istana Negara, Jakarta, Republik Indonesia, 09 Mac 2000 | 331 |
| 82. | Majlis Pelancaran Minggu Saham Amanah Malaysia Dan Skim Amanah Saham Malaysia, Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur, 20 April 2000 | 335 |
| 83. | Majlis Perasmian Malaysia Incorporated Summit 2000, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 24 Julai 2000 | 341 |
| 84. | The 21st Century Conference To Commemorate The Establishment Of The Tun Ismail Ali Chair In Monetary And Financial Economics, The Hilton, Kuala Lumpur, 29 August 2000 | 347 |

2001

- | | | |
|-----|---|-----|
| 85. | A New Globalisation In A New World Order, The Hilton, Kuala Lumpur, 26 February 2001 | 353 |
| 86. | Perasmian Seminar "Business And Integrity: The Way Forward" Anjuran Badan Pencegah Rasuah, Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 20 Mac 2001 | 359 |
| 87. | Majlis Pelancaran Amanah Saham Nasional 3 Imbang, The Palace Of The Golden Horses Hotel, Kuala Lumpur, 16 Oktober 2001 | 363 |

2002

- | | | |
|-----|---|-----|
| 88. | Kuala Lumpur Stock Exchange Corporate Awards 2001, Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur, 05 March 2002 | 368 |
| 89. | Asia Economic Summit, Renaissance Hotel, Kuala Lumpur, 07 March 2002 | 373 |
| 90. | Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2002, Alor Setar, Kedah, 26 April 2002 | 379 |

- | | | |
|-----|--|-----|
| 91. | 35th IGM Of The Pacific Basin Economic Council (PBEC), Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, 06 May 2002 | 383 |
| 92. | Majlis Perasmian Persidangan Ekonomi Orang Kurang Upaya Pertama Kebangsaan, Intekma Resort, Shah Alam, Selangor, 22 Ogos 2002 | 389 |
| 93. | Dinner In Commemoration Of The 20th Anniversary Of The Look East Policy, The Palace Of The Golden Horses Hotel, 28 August 2002 | 395 |
| 94. | Majlis Perasmian Persidangan Cukai Nasional Ke-2, 2002, The Palace Of The Golden Horses Hotel, 03 September 2002 | 399 |

2003

- | | | |
|-----|--|-----|
| 95. | The Opening Of The Non-Aligned Movement's Business Forum On South-South Cooperation, The Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur, 23 February 2003 | 403 |
| 96. | The Opening Session Of The XIII Summit Meeting Of The Non-Aligned Movement, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur, 24 February 2003 | 408 |
| 97. | The Closing Session Of The XIII Conference Of Heads Of State Or Government Of The Non Aligned Movement, Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur, 25 February 2003 | 414 |
| 98. | Pengumuman Pakej Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara, 21 Mei 2003 | 416 |
| 99. | The 15th Anniversary Symposium Of The Institute For International Policy Studies (IIPS), Hotel Okura, Japan, 03 June 2003 | 420 |

KOLEKSI UCAPAN
TUN DR MAHATHIR
MOHAMAD

EKONOMI

1981

MERASMIKAN HARI PELADANG KEBANGSAAN

TANJUNG KARANG, SELANGOR, 26 SEPTEMBER 1981

Y.B. Menteri Pertanian Datuk Abdul Manan Othman, YAB. Menteri Besar Selangor Dato Hormat Rafie, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul beramai-ramai di Tanjung Karang pada hari ini untuk merayakan Hari Peladang Kebangsaan yang kesembilan. Perayaan ini bukanlah hanya setakat menyertai pertandingan atau menyaksikan pameran tetapi yang lebih penting ialah kita semua hendaklah memusatkan tekad dan berikrar untuk memupuk semangat bekerjasama, berdikari serta membaharui azam untuk berusaha dengan lebih giat lagi.

Perjumpaan seperti ini memberi peluang kepada petani-petani dan peladang-peladang kita untuk bertukar-tukar fikiran, melihat kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dan mengukur sejauh mana para petani kita sudah maju dalam amalan-amalan pertanian moden, seperti penggunaan benih bermutu tinggi, jentera-jentera pertanian, dan lain-lain kemudahan pertanian yang bertujuan meningkatkan pengeluaran dan pendapatan.

Hari Peladang Kebangsaan ini diadakan di negeri-negeri secara bergilir-gilir. Pemilihan Tanjung Karang untuk Hari Peladang tahun ini adalah sangat sesuai kerana kawasan Tanjung Karang dan Sekinchan merupakan kawasan

jelapang padi yang terbesar di Negeri Selangor dan kawasan Sabak Bernam yang berhampiran merupakan kawasan tanaman kelapa dan koko yang penting. Kedua-dua kawasan pertanian ini terletak di bawah Projek Pembangunan Pertanian berpadu Barat Laut Selangor.

“ Projek Barat Laut Selangor yang dianggar berharga Dua Ratus Enam Belas Perpuluhan Tiga Juta Ringgit (\$216.3 juta) mula dilancar perlaksanaannya dalam tahun 1978. Projek ini mempunyai matlamat untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan para petani dan peladang di kawasan ini. Pada peringkat awal pelaksanaannya, tekanan diberi kepada pembekalan infrastruktur-infrastruktur pertanian dan penyaluran secara integrasi perkhidmatan-perkhidmatan pertanian oleh berbagai-bagai agensi Kerajaan. ”

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan

Negeri Selangor yang telah memberi sokongan kuat dalam pelaksanaan projek ini dan juga kepada para peladang di kawasan ini yang telah memberikan kerjasama mereka.

Sektor pertanian adalah asas utama pembangunan Negara kita. Dalam tahun 1980, misalnya, sektor pertanian memberi sumbangan 22.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan merupakan 40.6% sumbangan tenaga kerja negara. Tetapi dalam masa yang sama, sektor ini masih lagi mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi iaitu 46.1%. Kerajaan memandang berat akan keadaan ini dan dalam usahanya untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah mengadakan beberapa Projek Pembangunan Pertanian di dalam kawasan yang telah diteroka. Oleh itu, tema Hari Peladang yang dipilih pada tahun ini, ialah "Peladang Progresif Asas Pemodenan Pertanian" memang tepat dengan hasrat dan tempo pembangunan pertanian yang sedang dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Negara kita memerlukan petani dan peladang yang produktif yang mengamalkan pertanian moden untuk menjamin bukan sahaja bekalan makanan negara sentiasa cukup tetapi juga keselamatan dan kemakmuran yang kita nikmati akan berkekalan.

Dalam zaman yang serba moden ini, amalan pertanian juga harus dimodenkan agar pengeluaran dan pendapatan para peladang dan petani meningkat. Pemodenan pertanian bermula dengan perubahan sikap terhadap amalan pertanian itu sendiri. Sikap mahu memajukan diri sendiri dan bekerjasama merupakan asas kejayaan amalan pertanian moden. Penggunaan teknologi pertanian moden seperti benih baru bermutu, alat jentera, baja dan racun serangga dan lain-lain bahan memerlukan disiplin yang ketat dan penglibatan dan kerjasama semua

peladang dan petani. Usaha-usaha pakar-pakar penyelidikan untuk mendapatkan benih-benih yang memberi hasil tinggi, pegawai-pegawai perkembangan pertanian untuk menyampaikan nasihat dan tunjuk ajar teknologi-teknologi baru, dan pembekalan bahan-bahan seperti jentera, baja, kredit dan lain-lain adalah bertujuan menjamin dan meningkatkan hasil pengeluaran. Ini tidak akan dapat dinikmati dengan sepenuhnya tanpa para petani menerima dan menyertai pertanian moden.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pertanian moden dijadikan sebagai asas pembangunan luar bandar. Saya percaya hasrat yang murni ini dapat dicapai dengan adanya perancangan yang lengkap dan teratur di pihak Kerajaan, kerjasama yang erat daripada sektor swasta dan penerimaan serta penglibatan sepenuhnya daripada pihak petani dan peladang. Di pihak Kerajaan, berbagai-bagai agensi dan Jabatan telah ditubuhkan untuk memajukan bidang pertanian seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang, RISDA, FAMA, Bank Pertanian dan lain-lain lagi. Kerajaan telah mengadakan infrastruktur dan perkhidmatan dan kita telah mencapai beberapa kemajuan. Walau bagaimanapun kadar pencapaiannya belum lagi boleh dibanggakan. Bagi kawasan-kawasan yang termasuk dalam program Pembangunan Kawasan berpadu, kesan perkhidmatan berbagai-bagai agensi ini telah mula dirasakan oleh petani-petani kerana perkhidmatan tersebut disampaikan secara integrasi dan berpadu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pegawai-pegawai Kerajaan yang melaksanakan tugas-tugas pembangunan pertanian supaya sentiasa sensitif kepada keperluan dan keadaan para peladang dan petani serta pada masa yang sama berhati cekal untuk terus memberi nasihat dan pimpinan ke arah pertanian moden.

Pembangunan pertanian pada masa yang lampau telah menumpukan kepada peningkatan pengeluaran iaitu pembangunan jenis tanaman itu sendiri. Aspek pembangunan penghidupan petani yang terlibat tidak mendapat tekanan yang sewajarnya. Ini tidaklah mencukupi. Amalan pendekatan yang digunakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya merupakan satu pendekatan pembangunan yang menyeluruh (*total development*) di mana kehidupan petani, alam sekitarnya dan keperluan hidup yang selesa akan diberi keutamaan yang seimbang dengan pembangunan tanaman yang diusahakan. Saya percaya pendekatan pembangunan yang demikian akan meningkatkan lagi semangat dan azam para peladang dan petani kita untuk menjadi lebih produktif lagi.

Kerajaan sedar bahawa para peladang dan petani kita menghadapi masalah tanah ladang atau sawah yang kecil untuk diusahakan dan kemajuan mereka adalah terhad oleh kerana sekatan saiz yang kecil itu. Pendekatan pertanian secara berkelompok akan digalakkan dan diutamakan supaya sawah-sawah atau kebun-kebun yang dahulunya kecil boleh diusahakan mengikut lunas-lunas pengurusan tanah yang luas iaitu secara estet. Di negara kita, mengusahakan sawah secara berkelompok mengikut lunas-lunas pengurusan estet telah dilakukan secara percubaan di Kampung Asam Jawa, Kedah. Petani-petani di kawasan itu telah bersetuju untuk menyatukan petak-petak sawah mereka yang kecil supaya boleh dibahagikan semula kepada petak yang besar yang lebih mudah diusahakan dengan jentera besar dan lebih ekonomik. Para petani kita tidak boleh lagi berpegang kepada amalan tradisional yang sudah sampai kepada tahap maksima pengeluaran hasilnya. Para petani kita hendaklah melibatkan diri secara

menyeluruh dengan mengusahakan tanah padi secara berkelompok, supaya terdapat hasil yang tertinggi daripada penggunaan jentera, kredit dan pengurusan. Selain ini percantuman tanah akan melepaskan tanah-tanah kosong yang boleh digunakan untuk berbagai-bagai tanaman dan perusahaan kecil.

“**Pengurusan ladang secara besar-besaran atau komersial ini akan membuka peluang yang luas bagi sektor swasta seperti bank-bank perniagaan dan institusi-institusi kewangan memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan pertanian terutamanya jenis-jenis tanaman makanan seperti padi, kacang tanah, sayur-sayuran dan sebagainya. Agensi-agensi Kerajaan yang tertentu akan sentiasa berusaha bagi menentukan tidak ada penyelewengan oleh institusi-institusi yang terlibat. Saya ingin mengambil kesempatan ini menggesa sektor ini terutamanya institusi-institusi kewangan agar meningkatkan lagi penglibatan mereka dengan pembangunan pertanian dan memberi kerjasama sepenuhnya untuk mencapai objektif memajukan para petani dan peladang kita.**”

Kita kerap kali mendengar bahawa semasa memungut hasil padi misalnya, para petani kita menghadapi kekurangan tenaga kerja. Tetapi kita juga kerap melihat pada masa-masa yang lain petani-petani tidak mempunyai sebarang kerja yang berhasil. Keadaan seumpama ini merugikan petani-petani itu sendiri kerana masa yang terluang tidak digunakan sebaik-baiknya. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar setiap petani dapat menumpukan lebih banyak masa lagi dan bekerja dengan lebih berkesan (*gainfully employed*) untuk meningkatkan pengeluaran dan seterusnya pendapatan mereka. Pada masa ini, sebagai contoh, penyelenggaraan parit dan tali air di dalam sawah seperti menebas rumput-rumpai, membaiki ban-ban yang telah roboh dan sebagainya dilakukan melalui kontraktor-kontraktor yang dilantik dan diawasi oleh Jabatan Parit dan Tali air. Parit-parit dan tali air ini dibina untuk kemudahan petani-petani bersawah dan belanja penyelenggaraannya adalah agak tinggi. Sebagai langkah untuk menambahkan pendapatan dan menolong menentukan petani-petani berpeluang bekerja sepenuh masa, pada hemat saya, ada baiknya sekiranya penyelenggaraan parit dan tali air dilaksanakan sendiri oleh para petani secara muafakat dan mendapat bayaran setimpal seperti bayaran yang lazimnya diterima oleh kontraktor-kontraktor yang saya sebutkan tadi. Cara ini bukan sahaja akan membantu menambah pendapatan para petani kita tetapi juga akan menjamin mutu kerja yang baik kerana kesan penyelenggaraan yang dilakukan akan mempengaruhi taraf bekalan air untuk bersawah di dalam kawasan parit atau tali air berkenaan.

Kerajaan juga akan mengadakan latihan tertentu kepada para petani dan peladang yang berminat dan berkaliiber untuk menubuhkan kilang kecilan bagi memproses bahan-bahan pertanian untuk menambahkan pendapatan mereka.

Potensi para petani dan peladang kita yang cekap daripada segi pertukangan, kerja tangan dan sebagainya akan diperkembangkan dengan penubuhan perusahaan kecil seperti membuat perabot dan perkakas dari rotan dan buluh, membuat batu-bata dengan menggunakan pasir atau tanah liat dan lain-lain lagi. Usaha-usaha ini boleh diatur dengan rapi bagi menyesuaikan keperluan tenaga buruh dan pasaran. Usaha-usaha seumpama ini merupakan potensi yang besar untuk menambah pendapatan para petani kita.

Kerajaan juga akan memberi galakan dan insentif kepada sektor swasta untuk menubuhkan kilang-kilang di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya kilang-kilang yang berasaskan pertanian dan membuat "*intermediate products*" untuk industri-industri yang lebih besar demi membuka peluang para petani menambahkan pendapatan mereka. Di samping itu perusahaan ternakan ayam, itik, lembu dan ikan air-tawar boleh diadakan oleh petani sendiri secara teratur dan berkongsi. Apa yang perlu ialah kesanggupan bekerja dan bekerja kuat.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan yang diadakan bersempena dengan perayaan Hari Peladang Kebangsaan ini. Saya berharap mereka akan mengembangkan kecekapan mereka, bekerjasama dan terus berusaha bagi mencapai tahap pengeluaran dan pendapatan yang lebih tinggi lagi. Bagi mereka yang kurang bernasib baik, belajarlah daripada mereka yang berjaya dan berusaha dengan lebih giat lagi.

Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Hari Peladang Kebangsaan Yang kesembilan ini.

MAJLIS PENYAMPAIAN DUIT-DUIT SYILING PERINGATAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA TUN HUSSEIN ONN

TINGKAT 13, BANGUNAN BANK NEGARA MALAYSIA, 13 NOVEMBER 1981

Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn, Yang Berbahagia Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha, Gabenor, Bank Negara Malaysia, dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan sekalian.

Saya merasa gembira pada hari ini kerana diberi satu tugas yang istimewa, iaitu tugas untuk menyampaikan satu set duit-duit syiling peringatan Rancangan Malaysia Keempat kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn.

Seperti kita sedia maklum, Rancangan Malaysia Keempat ini telah dilancarkan pada bulan Mac yang lalu oleh Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn yang pada masa itu menjadi Perdana Menteri Malaysia.

**Duit-duit syiling
peringatan Rancangan
Malaysia Keempat ini telah
diluluskan oleh Kerajaan
Malaysia untuk memperingati
pelancaran Rancangan
Malaysia Keempat dan sebagai**

**merakamkan penghormatan
yang berkekalan kepada Yang
Amat Berbahagia Tun Hussein
Onn. Sebagai menghargai
sumbangan Yang Amat
Berbahagia Tun yang gigih dan
dedikasi ke arah pencapaian
hasrat Kerajaan untuk
meningkatkan perpaduan
nasional dan pembangunan
negara, potret Yang Amat
Berbahagia Tun sendiri telah
menghiasi duit-duit syiling
khas ini. ”**

Sekarang, sebagai tanda penghargaan yang tinggi Kerajaan Malaysia kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn atas jasa-jasa beliau kepada negara dan rakyat Malaysia, saya bagi pihak Kerajaan Malaysia, dengan gembiranya menyampaikan satu set duit-duit syiling peringatan Rancangan Malaysia Keempat kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn.

SEMPENA PEMBUKAAN RASMI LEBUHRAYA PAPAR KE SINDUMIN

NEGERI SABAH, 17 NOVEMBER 1981

Yang Amat Berhormat Datuk Harris Mohd. Salleh, Ketua Menteri Negeri Sabah; Yang Berhormat Datuk S. Samy Vellu, Menteri Kerjaya dan Kemudahan Awam; Yang Berhormat Tan Sri Suffian Korok, Menteri Pembangunan Infrastruktur Sabah; Yang Berhormat-Yang Berhormat; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara sekalian kerana telah memberikan sambutan yang sangat meriah kepada saya pada hari ini. Sebahagian besar daripada saudara-saudara sekalian telah datang beramai-ramai dari tempat-tempat yang jauh dan dari kawasan-kawasan pedalaman untuk bersama-sama menghadiri Majlis ini. Di atas susah payah saudara-saudara semua saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

“**Saya merasa sukacita mengetahui bahawa projek lebuhraya Papar ke Sindumin ini yang sepanjang 68 batu dan berharga \$50 juta telah siap semenjak akhir tahun 1980 iaitu setelah tiga tahun dalam pembinaan. Ini adalah salah satu daripada projek-projek yang telah disiapkan mengikut jadual sungguhpun jadual itu telah dipanjangkan**

sedikit oleh sebab-sebab cuaca dan keadaan tanah. Di sini sukalah saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak di atas segala usaha untuk menyiapkan lebuhraya ini.”

Pembinaan lebuhraya Papar ke Sindumin ini adalah sebahagian daripada keseluruhan strategi untuk memastikan bahawa Negeri Sabah mempunyai satu rangkaian jalanraya yang menghubungkan satu bandar ke satu bandar dan dari bandar-bandar di sebelah barat dengan bandar-bandar di sebelah timur negeri Sabah ini. lebuhraya-lebuhraya yang dibina menjadi nadi dalam pembangunan ekonomi dan sosial Negeri Sabah, memandangkan pada masa ini Negeri Sabah sedang meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunannya. Ia akan mendekatkan lagi hubungan di antara semua rakyat di Negeri Sabah. Dalam konteks pembangunan, sistem perhubungan yang lengkap adalah asas bagi membolehkan rakyat menerokai aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Dua lagi lebuhraya yang sedang dalam pembinaan ialah lebuhraya Tamparuli ke Ranau dan lebuhraya Sempurna ke Lahad Datu. Lebuhraya Tamparuli ke Ranau yang panjangnya 44 batu dianggar memakan perbelanjaan sebanyak \$95 juta. Ia dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan. Pada masa ini jalan ini boleh digunakan untuk lalu lintas sekiranya kenderaan-kenderaan itu tidak dipandu laju. Lebuhraya Sempurna ke

Lahad Datu sepanjang 91 batu sedang di dalam pembinaan dan dianggar berharga sebanyak \$76 juta. Sebahagian besarnya dibina mengikut aliran (*alignment*) jalan yang telah ada dan adalah dijangka siap dalam masa dua tahun lagi.

Pembinaan lebuhraya dari Papar ke Sindumin ini bukan sahaja bertujuan untuk memudahkan perhubungan rakyat Negeri Sabah, dari Kota Kinabalu ke Papar dan ke Sindumin sahaja bahkan juga terus ke Negeri Sarawak di mana satu lagi lebuhraya dari Lawas ke Merapok sedang di dalam pembinaan.

Dengan siapnya lebuhraya Lawas-Merapok sepanjang 18 batu itu pada akhir tahun ini, perjalanan dari Kota Kinabalu ke bandar-bandar dalam Negeri Sarawak akan dapat menjadi lebih cepat dan mudah. Dengan cara ini akan tercapailah tujuan Kerajaan bagi memperkukuhkan lagi perhubungan di antara rakyat Malaysia di kedua-dua negeri ini. Ini juga akan memudahkan pergerakan penduduk-penduduk, tenaga pekerja, alat-alat jentera yang penting untuk kemajuan dan pembangunan pertanian dan industri dalam kedua-dua negeri ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan Persekutuan telah membuat peruntukan sebanyak \$5,918 juta bagi kemudahan-kemudahan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air, dan elektrik bagi seluruh negara kita. Daripada jumlah ini, Negeri Sabah telah diperuntukkan \$691.2 juta. Peruntukan untuk Negeri Sabah akan ditambah sekiranya perlu dan ada kemampuan untuk melaksanakan projek-projek tambahan.

Pembinaan lebuhraya memanglah sukar dan memakan belanja yang banyak. Tetapi apabila satu-satu lebuhraya itu siap maka adalah menjadi perkara yang sangat penting supaya ianya diselenggarakan

dengan sempurna untuk mengelakkan ianya terbiar dan menjadi rosak yang akan menyebabkan perbelanjaan yang banyak untuk diperbaiki. Aspek penyelenggaraan jalan raya ini, saya ingin tegaskan, hendaklah diambil kira dan hendaklah diberikan perhatian yang sama seperti pembinaan jalan raya itu sendiri.

Dalam usaha-usaha perancangan dan pembinaan infrastruktur pihak perancang bukan sahaja mesti mengambil kira aspek-aspek ekonomi projek itu, tetapi juga mestilah memikirkan tentang orang ramai sama ada pembinaan projek pembangunan itu diterima oleh mereka. Dengan cara ini sesuatu projek itu akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya terutama oleh pihak yang menerimanya. Dalam hal ini pihak-pihak perancang hendaklah mengusahakan program-program pembangunan mereka secara bersepadu supaya sesuatu projek pembangunan ini dapat memberi faedah maksima kepada rakyat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam Malaysia yang bertanggungjawab bagi pembinaan jalan raya-jalan raya Persekutuan di Negeri Sabah ini, kepada Kerajaan Negeri Sabah, dan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah yang menjadi badan pelaksana bagi projek-projek jalan raya ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada semua badan-badan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan yang telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik dan sempurna.

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, saya dengan sukacitanya, mengisytiharkan lebuhraya ini dibuka dengan rasminya.

THE ASEAN-US ECONOMIC CONFERENCE

THE HILTON, KUALA LUMPUR, 18 NOVEMBER 1981

Let me first and foremost extend to you all a very for the trouble you have taken. It is my sincere hope that during your brief stay in Malaysia you will learn more about ASEAN and something new about this least known member of ASEAN.

This ASEAN-US Economic Conference, to my mind is a very important gathering. The idea to convene this meeting which came up early in 1980 has now become a reality no too long after the decision. This indicates the commitment and seriousness that both the parties, the ASEAN side and the US side, view the potentials of their interaction and co-operation for mutual gain and benefit.

“ Gathered here today are many prominent and influential people from the ASEAN countries and the US representing the business sector as well as the government. In this modern age life has become so complex that it is impossible to demarcate between what is purely business and what is a public issue. Government cannot function without some business involvement and business needs Government more and more, even when the free enterprise system is wholly espoused. ”

Thus your presence, the representatives of the various fields of the private sector as well as the officials of the relevant agencies of the Governments can go a long way towards making this Conference a success. ASEAN-US economic relations would be that much stronger because of the involvement of Governments with the business of business.

Appropriate and timely. All of us are very well aware of the need to transform the world economic order so as to arrive at a more truly just and equitable situation for the benefit of both the developing and the developed nations. I believe that for such a system to evolve there must be sincerity on all sides. This sincerity must not be just a word in the dictionary of conventional diplomacy for what is really sophisticated arm-twisting and manipulative endeavour for achieving more advantage by the already advantaged. What we need today if we are to achieve some semblance of a fair distribution of international wealth is sincerity based on true friendship and a clear understanding of the moral obligations that we all have towards each other. It is sad that after years of talking of a New International Economic Order we have achieved very little beyond talking. More of such talk, even if heads of States and heads of Governments are involved will not get us very far. What we need is sincere dialogue based on a firm commitment to resolve issues and solve problems. The political will to co-operate must be clearly laid down, so that officials and businessmen who are really involved in the day to day running of the economies of the world can than translate the ideas to

promote the common good into reality on the ground.

It is in this light that I feel your meeting is an important and meaningful effort in helping to improve and institutionalize a better system and framework for co-operation between nations. For us in ASEAN, co-operation is the key to our future. It is in the best interest of every ASEAN country to see to ASEAN's success as a group. We do not claim that we do not have problems or for that matter differences among us; we have learnt that through goodwill and co-operation we can achieve at least part of the goals that we have set for us. Today we see increasing co-operation not just at the level of officials but among the professionals and the people in general. Our co-operation with third countries is also bearing fruits. In fact your meeting is a result of this new and increasing understanding and spirit of co-operation between ASEAN and third countries, whether singly or as groups.

I need not dwell at length on ASEAN as an entity. I am sure most of you are acquainted with this region. ASEAN's strategic location, its economic resources and potentials, and above all, the region's commitment to free enterprise and the market economy are not unfamiliar. With a population of more than 250 million people, stable governments, a responsive work force and with abundant natural resources, we possess the necessary ingredients to stimulate a more vigorous economic growth. The political and economic stability in the ASEAN countries are indeed remarkable assets considering the general tendency towards instability of the region as a whole. This stability is no fluke. It has been worked at countries which can work towards the achievement of such stability must be considered reliable by those venturing from outside the region.

One of ASEAN's primary concern is the maintenance of peace and stability in this region. This concern is reflected in our efforts to create a Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) in Southeast Asia. We believe that it is only through peace and stability that we in the region could devote more time and effort in the pursuit of economic and social development. We in ASEAN strongly believe that the strength and stability of a country depends not so much on its armed forces but more importantly on our ability to intensify economic development and provide a better quality of life for our people. In this day and age, wars of conquests are no longer fashionable. Countries are subjugated through internal upheavals. We in ASEAN are acutely aware of the need to remove the causes of such upheavals. Our economic policies and development are designed so as to contribute towards political stability. Pure economic accomplishments without regard for the welfare and desires of the people has been shown to be a destabilizing factor and even a cause of the downfall of Governments. Thus, our economic policies are based on clear and definite political objectives. If we impose conditions on foreign investors, it is not because we grudge you your profits, but because we have a need to reconcile foreign economic incursions with national aspirations. In the long run, the political stability we achieve is for you, much more worthwhile commercially than the short-term profits you might make.

Next to political stability, ASEAN values highly the need to maintain economic growth with price stability. As a matter of economic philosophy, ASEAN believe that the objective of stable economic growth can best be achieved in an environment of free enterprise in a market economy. Private investment, both domestic and foreign, is encouraged to expand and to seek new opportunities to raise productive capacity

in the region. We encourage the private sector to achieve greater profitability through higher productivity. In return, we expect investors and entrepreneurs to be responsible corporate citizens.

The role of Governments in ASEAN is centered on maintaining a stable economic environment. We learn a lot from each other and consequently there is a great deal of similarity in the policies on economic growth pursued by ASEAN countries. One of the things that we know investors value highly is predictability. Consequently since the formation of ASEAN we have avoided making sudden tangential departures from set courses. We do not nationalize, for example. However, if you sell your shares in the market we pertaining to economic policies is our asset. It has contributed to a stable economic environment. Apart from this we have invested heavily in education and training. The productivity of our work force is accordingly high. At least three of the ASEAN nations are able to export highly trained labour. But as ASEAN progresses their workers will come back to help with the development of their countries.

“ Strong Governments are also characteristic of ASEAN countries and this must enhance economic stability. Sudden ideological changes are not our style. We are all committed to promote stable growth with equity. ”

The world is passing through a most difficult economic period. Recovery does not seem to be within sight yet. The recession in the industrialized nations naturally has a debilitating effect on the economy of the producers of primary commodities like the

majority of ASEAN countries. In an attempt to get away from over-dependence on a few primary commodities, we have started to diversify and industrialize. Efforts at agricultural diversification have made us more resilient but the moment we begin to take advantage of our international comparative advantage position to move downstream and process more and more of our primary produce for export, the markets in the major industrial countries begin to change the rules of the game. Now our industrialization programme is being held up because global recession does not enable us to earn enough from our primary commodities. Also we are not able to sell the few manufactured products which we have been able to produce efficiently and at competitive prices because of increased protectionist sentiments in the developed nations.

These external factors make the job of maintaining economic stability by the ASEAN Governments very difficult. For us, the conduct of international trade has become a game of tails I lose and heads you win. Furthermore, we are dismayed at the slow progress on the part of the major industrial countries to get out of their recession and combat inflation. With the exception of Japan, they appear to be caught in the web of high interest rates, high consumer prices, high wage demands, low investment, low productivity and low or no growth. In our growing interdependent world, their continuing stagflation generates a general malaise in world trade and growth to the detriment of the least developed nations which can ill-afford to be confronted with such a situation. Worse much of the high inflation is exported to the developing countries, thereby adding to their gloom.

Taking all these into consideration, it is remarkable that the ASEAN countries have been able to maintain fairly steady and comparatively high growth in real terms.

